

23 JUN 2003

Kadir-Merdeka

PUTRAJAYA JADI LOKASI SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE 46

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Perarakan sambutan Hari Kebangsaan ke 46 pada 31 Ogos akan diadakan di Putrajaya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, pemilihan Putrajaya itu sebagai menghargai kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

Pemilihan Putrajaya adalah sebagai hadiah dan tanda terima kasih negara dan rakyat kepada Dr Mahathir yang akan bersara selepas Oktober, katanya pada sidang media di sini hari ini.

Menurutnya, Dr Mahathir adalah arkitek yang bertanggung jawab membentuk Malaysia dan bangsa Malaysia seperti sekarang dan dengan itu, perayaan kali ini boleh dijadikan hadiah utama kepada pemimpin tertinggi negara itu.

"Inilah kali pertama kita mengadakan sambutan besar peringkat kebangsaan di Putrajaya dan ia juga adalah sambutan kemerdekaan untuk Perdana Menteri sepanjang beliau menjadi pemimpin negara," katanya.

Abdul Kadir berkata, Dr Mahathir memberikan tumpuan khusus untuk pembangunan Putrajaya dan beliau juga adalah arkitek yang bertanggungjawab menjadikan Putrajaya sebuah bandar pentadbiran baru negara selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ia juga berhubung kait dengan bandar itu yang akan dijadikan pusat pentadbiran negara yang baru, katanya yang juga pengerusi sambutan Bulan Kemerdekaan Kebangsaan.

Katanya, perayaan kemerdekaan negara kali ini akan berlangsung selama sebulan mulai 17 Ogos di Melaka dan berakhir 16 Sept, tarikh pembentukan Malaysia.

Menurutnya, pelbagai acara termasuk sembahyang oleh pelbagai agama akan diadakan sebelum hari merdeka.

Abdul Kadir berkata, jawatankuasa perayaan peringkat kebangsaan juga memutuskan majlis pelancaran kemerdekaan dan ambang kemerdekaan dibuat secara kelompok terutama untuk pelajar sekolah, masyarakat bandar juga luar bandar.

Katanya, guru-guru sekolah menengah dan rendah pengantar kebangsaan, Cina dan Tamil digalakkan bergabung sebagai tanda kesepakatan rakyat Malaysia dalam mempertahankan kemerdekaan negara.

Sehubungan itu, Abdul Kadir menggesa orang ramai terutama Persatuan Ibu Bapa dan Guru menyediakan aktiviti kemerdekaan seperti debat kemerdekaan dan kempen mengibar bendera jalur gemilang di kalangan pelajar sepanjang bulan kemerdekaan di sekolah masing-masing.

Beliau juga menggesa pihak sekolah mewajibkan pelajar mengibarkan jalur gemilang sama ada di sekolah mahupun semasa perjalanan pergi dan pulang dari sekolah.

"Kita juga berharap sekolah-sekolah boleh mengumpul pelajar mereka secara berkelompok pada malam kemerdekaan untuk menghayati detik 12 malam," katanya.

Beliau berkata, sekolah-sekolah yang tidak menghantar pelajar untuk menjayakan perarakan kemerdekaan peringkat negeri dan kebangsaan boleh berbuat demikian di sekolah masing-masing.

-- BERNAMA

BZ AHH ZB